



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEMBANTU OPERASI KANAN (C.2 EB.3)  
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEMBANTU OPERASI KANAN  
OUTWARD BOUND BRUNEI DARUSSALAM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang Health, Safety and Environment / Computer / Structural Engineering atau bidang bersesuaian.*

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan Belia, dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Keutamaan adalah diberikan kepada calon **Lelaki**.
3. Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan *IT (Excel, Words, Powerpoint)* adalah kelebihan.
4. Berpengalaman selama 3 tahun dalam bidang operasi dan logistik dalam sektor awam atau swasta adalah kelebihan.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab di dalam membantu Pegawai Operasi Outward Bound Brunei Darussalam ;
2. Bertanggungjawab atas semua aspek yang berkaitan dengan Pengurusan, Pentadbiran dan Pengawasan Seksyen Operasi dan Logistik di Temburong. Ini termasuk:-
  - i. Pengurusan stor, penghapusan dan *support*;
  - ii. Pengurusan pengangkutan dan pengawasan perkhidmatan pemeliharaan bangunan termasuk pengendalian pembetulan kerosakan bangunan;
  - iii. Pengurusan bekalan elektrik, air, talian telefon termasuk pengurusan sistem rangkaian radio VHF;
  - iv. Pengurusan segala keperluan hal ehwal *tender* dan pembelian pelbagai barang / peralatan / perkakas yang diperlukan di pusat Outward Bound Brunei Darussalam;
3. Menyediakan laporan kebersihan dan keselamatan logistik; dan
4. Memastikan tuntutan kontrak *Catering*, *Clean Service* dan *Security Service* tidak melebihi dua (2) tahun.